



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**09 JULAI 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **323 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **71,791 kes**. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 230 menjadikan jumlah kumulatif 68,969 orang. Seramai 1,867 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 386 orang di hospital, 1,345 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam manakala 136 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 54 orang dan 16 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Telupid dan Sipitang berubah dari zon kuning ke zon hijau.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 16 daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Kuning lima (5) daerah
- Zon Hijau tiga (3) daerah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

Jumlah kes positif COVID-19 Sabah pada hari ini ialah **323** kes iaitu peningkatan 44 kes berbanding 279 kes semalam (8 Julai 2021).

ii. **Kedudukan berdasarkan daerah dan perbandingan kes Positif COVID-19 semalam**

a. **Daerah yang mencatatkan peningkatan kes**

**11** daerah yang mencatatkan peningkatan kes berbanding semalam (08 Julai 2021) iaitu:

- Kudat 36 kes, peningkatan (+32) kes
- Kota Kinabalu 78 kes, peningkatan (+31) kes
- Papar 23 kes, peningkatan (+23) kes
- Penampang 18 kes, peningkatan (+12) kes
- Beaufort 27 kes, peningkatan (+12) kes
- Keningau enam (6) kes, peningkatan (+6) kes
- Lahad Datu lima (5) kes, peningkatan (+5) kes
- Putatan 18 kes, peningkatan (+5) kes
- Kunak empat (4) kes, peningkatan (+4) kes
- Nabawan empat (4) kes, peningkatan (+4) kes
- Tuaran tujuh (7) kes, peningkatan (+3) kes

b. **Daerah yang kekal catatan mencatatkan kes sama**

**Dua (2)** daerah yang mencatatkan kes baharu sebagaimana semalam (08 Julai 2021) iaitu:

- Sandakan 16 kes
- Semporna tiga (3) kes

**c. Daerah yang mencatatkan penurunan kes**

**Lapan (8)** daerah yang mencatatkan penurunan kes berbanding semalam (08 Julai 2021) iaitu:

- Pitas 52 kes, penurunan (-76) kes
- Tongod sifar (0) kes, penurunan (-6) kes
- Kinabatangan empat (4) kes, penurunan (-4) kes
- Kota Marudu satu (1) kes, penurunan (-2) kes
- Kuala Penyu dua (2) kes, penurunan (-2) kes
- Kalabakan sifar (0) kes, penurunan (-1) kes
- Tawau 13 kes, penurunan (-1) kes
- Kota Belud enam (6) kes, penurunan (-1) kes

**d. Daerah yang mencatatkan Sifar (0) kes**

**Lapan (8)** daerah yang mencatatkan sifar (0) kes pada hari ini iaitu:

- Beluran
- Telupid
- Kalabakan
- Tongod
- Ranau
- Sipitang
- Tenom
- Tambunan

- iii. Terdapat **peningkatan jumlah daerah Zon Hijau iaitu daripada satu (1) kepada tiga (3) daerah iaitu Beluran, Telupid dan Sipitang** namun, dengan jumlah catatan sebanyak (106) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

iv. **Punca mempengaruhi bilangan kes COVID-19 hari ini**

Bilangan kes positif COVID-19 ini diperolehi melalui saringan berikut:

- 106 kes adalah daripada Saringan Kontak Rapat
- 139 kes adalah daripada Saringan Kluster
- 25 kes adalah daripada Saringan Bergejala
- 40 kes daripada Saringan Bersasar
- 13 kes adalah daripada Saringan Lain-lain kes.

a) **Kes Daerah Kota Kinabalu (78) kes berpunca daripada:**

- Saringan Kluster sebanyak (42) kes daripada empat (4) kluster iaitu Kluster Tembok Kota Kinabalu satu (1) kes, Kluster Agora Borneo (37) kes, Kluster Lorong Berjaya satu (1) kes dan Kluster Bahtera Barat tiga (3) kes.
- 23 kes adalah daripada Saringan Kontak Rapat
- Lapan (8) kes adalah daripada Saringan Bergejala
- Lima (5) kes daripada Saringan Bersasar

b) **Daerah Pitas (52) kes berpunca daripada:**

- 49 kes daripada Saringan Kluster Tanjung Pitas
- Tiga (3) kes daripada Saringan Kontak Rapat

c) **Daerah Kudat empat (36) kes berpunca daripada:**

- Lima (5) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- 31 kes daripada Saringan Bersasar

d) **Daerah Beaufort (27) kes berpunca daripada:**

- 15 kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Empat (4) kes daripada Saringan Bergejala
- Tujuh (7) kes daripada Saringan Bersasar
- Satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes

e) **Daerah Papar (23) kes berpunca daripada:**

- 13 Saringan Kluster Lumadan
- 10 kes daripada Saringan Kontak Rapat

f) **Daerah Penampang (18) kes berpunca daripada:**

- Saringan Kluster sebanyak empat (4) kes daripada dua (2) kluster iaitu Kluster Agora Borneo satu (1) kes dan Kluster Siasai Dundau satu (1) kes.
- 11 kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Tiga (3) kes daripada Saringan Bergejala

g) **Daerah Putatan (18) kes berpunca daripada:**

- 15 kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Dua (2) kes daripada Saringan Bergejala
- Satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes

h) **Daerah Sandakan (16) kes berpunca daripada:**

- Dua (2) kes daripada Saringan Kluster Istimewa Dua
- 10 kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Tiga (3) kes daripada Saringan Bergejala
- Satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes

i) **Daerah Tawau (13) kes berpunca daripada:**

- Tujuh (7) kes daripada Kluster Serudung Baru
- Lima (5) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala

j) **Daerah Tuaran tujuh (7) kes berpunca daripada:**

- Saringan Kluster sebanyak dua (2) kes daripada dua (2) kluster iaitu Kluster Bolong Baru satu (1) kes dan Kluster Linau Kumpang (1) kes
- Empat (4) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala

k) **Daerah Keningau enam (6) kes berpunca daripada:**

- Tiga (3) Saringan Kluster Bata Durok
- Tiga (3) kes daripada Saringan Kontak Rapat

l) **Daerah Kota Belud enam (6) kes berpunca daripada:**

- Satu (1) Saringan Kluster Pintasan Kota Belud
- Tiga (3) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala
- Satu (1) kes daripada Saringan Bersasar

m) **Daerah Lahad Datu lima (5) kes berpunca daripada:**

- Satu (1) Saringan Kluster Ladang Gidi
- Dua (2) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala
- Satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes

n) **Daerah Kunak empat (4) kes berpunca daripada:**

- Empat (4) kes daripada Saringan Kontak Rapat

o) **Daerah Kinabatangan empat (4) kes berpunca daripada:**

- Satu (1) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Tiga (3) kes daripada Saringan Lain-lain kes

p) **Daerah Nabawan empat (4) kes berpunca daripada:**

- Empat (4) kes daripada Saringan Kontak Rapat

q) **Daerah Semporna tiga (3) kes berpunca daripada:**

- Satu (1) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala
- Satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes

r) **Daerah Kuala Penyu dua (2) kes berpunca daripada:**

- Dua (2) kes daripada Saringan Kontak Rapat

s) **Daerah Kota Marudu satu (1) kes berpunca daripada:**

- Satu (1) kes daripada Saringan Bersasar
- v. Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 Terdapat **satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

**Kluster Sawit Segama - Lahad Datu** merupakan kluster di tempat kerja dan punca jangkitan disyaki dibawa masuk dari Indonesia. Kluster ini melibatkan kes indeks, wanita, 48, warganegara Indonesia dikesan positif pada 06 Julai 2021 hasil saringan masuk kerja di sebuah klinik swasta. Kes indeks yang masuk ke Sabah pada 25 Jun 2021 bersama dua orang cucu, diarahkan menjalani kuarantin di Ladang Sabah Mas (Division Segama) sebelum dibenarkan bekerja. Dia yang mula bergejala batuk dan sakit tekak sejak 03 Julai 2021, kemudian mengambil swab PCR bersama beberapa ahli keluarga lain yang juga sedang dikuarantin di ladang yang sama. Susulan penemuan kes positif itu, pengesanan secara aktif dan saringan yang dijalankan terhadap 64 kontak mendapati 14 lagi individu disahkan positif termasuk satu (1) kes baharu menjadikan jumlah kumulatif kes positif kluster ini sebanyak 15 kes. Sementara, 49 individu didapati negatif saringan pertama. Semua kes positif dalam kluster ini telah dirujuk ke Hospital Lahad Datu untuk rawatan lanjut dan pengasingan di PKRC Lahad Datu, manakala semua kontak rapat juga telah diarahkan untuk menjalani kuarantin di pusat kuarantin PPR Sri Sepagaya, Lahad Datu.

7 Jumlah kapasiti katil 4,088 unit

- Hospital 676 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,082 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 330 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 45.67%.



## **B FAKTOR MEMPENGARUHI KES COVID-19 YANG TINGGI DI DAERAH PITAS**

- 1 Sejumlah 52 kes direkodkan di Daerah Pitas dengan (49) kes berpunca dari Kluster Tanjung Pitas dan tiga (3) kes lagi dari Saringan Kontak Rapat.
- 2 Daripada (49) kes dari Kluster Tanjung Pitas pada hari ini, (42) kes dari Kg Naruntung, lima (5) kes dari Kg. Tangui dan tiga (3) kes dari Kg. Mangkubang Laut.
- 3 Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Pitas hari ini mengesahkan kewujudan Kluster Tanjung Pitas adalah rentatan berlaku dua (2) kematian di perkampungan Naruntung pada bulan April dan Mei yang lalu, yang telah membawa kepada berlangsungnya Majlis Kenduri Arwah lalu mencetuskan Kluster Tanjung Pitas dengan kes tertinggi 126 kes kelmarin dan 49 kes dicatatkan pada hari ini.

## **C FAKTOR MEMPENGARUHI KES COVID-19 YANG TINGGI DI DAERAH KOTA KINABALU**

- 1 Sejumlah 78 kes direkodkan di Daerah Kota Kinabalu pada hari ini dengan pecahan (42) kes berpunca dari Saringan Kluster, (23) kes dari Saringan Kontak Rapat dan (13) kes daripada lain-lain saringan.
- 2 Daripada (42) kes kluster yang dicatatkan, (37) kes adalah dari Kluster Agora Barat dengan cetusan jangkitan berpunca dari Pasaraya Bataras 1Borneo, manakala tiga (3) kes dari Kluster Bahtera Barat, satu (1) kes dari Kluster Lorong Berjaya dan satu (1) kes dari Kluster Tembok Kota Kinabalu.

## **D FAKTOR MEMPENGARUHI KES COVID-19 YANG TINGGI DI DAERAH KUDAT**

- 1 Sejumlah 36 kes direkodkan di Daerah Kudat dengan pecahan (31) kes berpunca dari Saringan Bersasar dan lima (5) kes lagi dari Saringan Kontak Rapat.
- 2 Daripada (31) kes Saringan Bersasar yang dicatatkan, (19) kes adalah dari Kg Perpaduan Ria, tujuh (7) kes dari Kg Landung Ayang dan lima (5) kes dari Kg Perpaduan Gumpa.

## **E JANGKAAN PENINGKATAN KES COVID-19 SABAH DALAM BEBERAPA HARI**

- 1 Saringan kesihatan khususnya saringan bersasar di semua kawasan PKPD akan mengakibatkan kenaikan jumlah kes positif bagi Negeri Sabah dalam masa terdekat, namun strategi ini membolehkan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sabah mengenal pasti dan mengurus punca jangkitan dengan lebih efektif.
- 2 Strategi saringan kesihatan yang lebih luas juga adalah merupakan sebahagian daripada langkah strategik untuk mengoptimumkan program vaksinasi secara besar-besaran kepada masyarakat, khususnya dalam bulan Julai dan Ogos ini.

## **F PKPD BLOK 11 DAN 12, LORONG 4, TAMAN NURI, SANDAKAN**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Blok 11 dan 12, Lorong 4, Taman Nuri, Sandakan.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 16 ujian saringan dan sembilan (9) daripadanya dilaporkan positif COVID-19 dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti itu
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Blok 11 dan 12, Lorong 4, Taman Nuri, Sandakan berkuat kuasa 11 Julai sehingga 24 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini bertujuan untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

## **G PENAMATAN PKPD PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) TAMAN MURNI, SANDAKAN**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Murni, Sandakan yang dijadualkan tamat pada 10 Julai 2021.
- 2 Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 570 ujian saringan dan 31 daripadanya dilaporkan positif COVID-19 dan mengesahkan trend kes telah menurun dan terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di PPR Taman Murni, Sandakan pada 10 Julai 2021 (11.59 malam) seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## **H PENAMATAN PKPD LORONG 12, 15 & 16, TAMAN FAJAR, SANDAKAN**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Lorong 12, 15 & 16, Taman Fajar, Sandakan yang dijadualkan tamat pada 10 Julai 2021.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 221 ujian saringan dan 19 daripadanya disahkan positif COVID-19. KKM mengesahkan trend kes telah menurun dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Lorong 12, 15 & 16, Taman Fajar, Sandakan pada 10 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## **I PENAMATAN PKPD PENJARA TAWAU DAN KUARTERS PENJARA TAMAN EHSAN, TAWAU**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Penjara Tawau dan Kuarters Penjara Taman Ehsan, Tawau yang dijadualkan tamat pada 09 Julai 2021.
- 2 Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 746 ujian saringan dan 125 daripadanya disahkan positif COVID-19. KKM mengesahkan trend kes telah menurun dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Penjara Tawau dan Kuarters Penjara Taman Ehsan, Tawau pada 09 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## **J PENAMATAN PKPD 2 LOKALITI DI TAWAU**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Tawau yang dijadualkan tamat pada 10 Julai 2021.  
  
Kedua-dua lokaliti tersebut ialah:
  - Kampung Pukat Tanjung Batu Laut
  - Kampung Baru Pasir Putih
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 2,121 ujian saringan dan 40 daripadanya disahkan positif COVID-19 di kedua-dua lokaliti tersebut. KKM mengesahkan trend kes telah menurun dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di dua (2) lokaliti di Tawau pada 10 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## **K STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 63,358 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **empat (4)** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 57,091 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **1,902** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 337,937 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula, **10,009** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 214,750 orang.

## **L BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **318,605** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **M LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 112 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 40,049 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 125 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 64 hebahan melalui kereta peronda dan tiga (3) tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 35 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Tiga (3) orang : Tidak Memakai Pelitup Muka/Tidak Memakai Pelitup Separuh Muka Dengan Betul.
  - Lima (5) orang : Membawa Penumpang Berlebihan
  - 16 orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
  - Tiga (3) orang : Premis gagal menyediakan QR kod dan buku pendaftaran
  - Empat (4) orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan

- Dua (2) orang : Aktiviti terlarang sektor pelancongan
  - Satu (1) orang : Majikan gagal memastikan pekerja asing menjalankan ujian COVID-19
  - Satu (1) orang : Lain-lain kesalahan tidak tersenarai
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 95 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 32 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,720 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
  - ii Sebanyak tiga (3) notis/amaran dikeluarkan di daerah Kinabatangan.
  - iii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan penguatkuasaan pematuhan SOP ke atas 114 premis perniagaan dan 178 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 401 Premis Perniagaan melibatkan 221 anggota APM. Sebanyak tujuh (7) Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikut SOP.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 78 anggota di 105 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 11 premis, melibatkan tujuh (7) buah daerah pada hari ini.
- 8 Sejumlah 233 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 11 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 46 hebahan di seluruh Sabah.

**N KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 1**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 1 pada hari ini ialah **95.8%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Semporna	96.5%
2	Tenom	96.5%
3	Sipitang	96.5%
4	Kunak	96.5%
5	Keningau	96%
6	Beluran	96%
7	Beaufort	96%
8	Papar	96%
9	Ranau	96%
10	Kinabatangan	96%
11	Tuaran	96%
12	Kota Marudu	95.5%
13	Sandakan	95.5%
14	Penampang	95.5%
15	Tawau	95.5%
16	Kudat	95%
17	Kota Belud	95%
18	Lahad Datu	95%
19	Kota Kinabalu	95%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#MenangBersama**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**